

**PERTANYAAN DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN : LISAN**  
**DARIPADA : YB. TUAN AHMAD BAIHAKI**  
**BIN ATIQULLAH**  
**KAWASAN : KUBANG KERIAN**  
**TARIKH : 17 JUN 2015, RABU**

**SOALAN:**

**YB. TUAN AHMAD BAIHAKI BIN ATIQULLAH (KUBANG KERIAN)** minta **MENTERI KERJA RAYA** menyatakan apakah perkembangan terkini berkaitan projek lebuh raya antara Kota Bharu-Kadok yang telah dibuat majlis pecah tanah, dan bilakah ianya dijangka siap sepenuhnya.

## **JAWAPAN:**

Tuan Yang Di-Pertua;

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, pada masa kini Kerajaan telah meluluskan 2 fasa pembinaan untuk projek membina Jalan Kota Bharu – Kuala Krai, iaitu seperti berikut:

### **Fasa 1 (Pakej 1B): Pasir Hor – Kadok:**

Projek ini telah dimulakan pada bulan April 2014 dan dijangka siap pada bulan April 2017 (36 bulan). Kemajuan fizikal semasa sehingga 7 Mei 2015 ialah 16%. Harga kontrak semasa pula ialah sebanyak RM168.4 juta.

### **Fasa 2 (Pakej 2A): Kadok – Ketereh:**

Projek ini telah dimulakan pada bulan April 2015 dan dijangka siap pada bulan April 2018 (36 bulan). Kemajuan fizikal semasa sehingga 7 Mei 2015 ialah 2%, iaitu baru sahaja memulakan kerja-kerja pembinaan. Harga kontrak semasa pula ialah sebanyak RM136.6 juta.

Pakej seterusnya bagi melengkapkan jajaran dari Kota Bharu ke Machang kini sedang dalam peringkat penyediaan reka bentuk dan ia akan dimulakan pembinaan sebaik sahaja siap pakej 1B, iaitu dijangka pada bulan April 2017.

Sekian. Terima kasih.